

04 JUN 2003

Mahathir-Lembah Bio/I

DR MAHATHIR PELAWA DANA JEPUN BAGI LEMBAH BIO

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa kemasukan dana asing dari Jepun bagi projek Lembah Bio Malaysia.

"Projek Lembah Bio tidak mampu dimajukan sendiri oleh Malaysia. Ia memerlukan kerjasama daripada Jepun.

"Kami berharap kerajaan Jepun boleh menyediakan dana bagi projek ini," katanya pada satu mesyuarat dengan para saintis dan ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat-syarikat farmaseutikal Jepun di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Jepun berkata sains hayat adalah penting ke arah pembangunan ubatan baru, terutama pemulihan dan pencegahan penyakit baru dan penyakit berjangkit seperti Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai sumber bio yang luas tetapi kekurangan sumber kewangan untuk memajukan projek itu.

"Kami berharap masyarakat peniaga, penyelidik dan kerajaan Jepun akan menyokong projek ini. Kami mengalu-alukan kemasukan dana bukan hanya dari Jepun tetapi juga dari seluruh dunia," kata Dr Mahathir.

Kerajaan Malaysia pada mulanya memperuntukkan RM1 bilion untuk pelancaran projek itu di Dengkil bulan lepas tetapi mengurangkannya kepada separuh kerana kekurangan wang.

Awal hari ini Dr Mahathir telah diberi taklimat mengenai pelan induk Lembah Bio oleh arkiteknya Dr Kisho Kurokawa.

Pada petangnya, beliau melawat Institut Riken Yokohama. Ditubuhkan pada April 2000, institut penyelidikan fizikal dan kimia (Riken) itu menjalankan penyelidikan saintifik asas dan gunaan dalam pelbagai bidang termasuk fizik, kejuruteraan, kimia, biologi dan sains perubatan.

Antara kemudahan yang terdapat di institut itu ialah pusat penyelidikan bagi alergi dan imunologi yang menyiasat sistem pelalian dari punca asas alergi atau alahan melalui rawatan penyakit berjangkit dan menjalankan penyelidikan penting mengenai kaedah bagi menghalang penolakan pesakit selepas pemindahan organ.

-- BERNAMA

SS HK RON